



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**LEMBAGA FARMASI MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN SIJIL TAHUNAN  
PERTUBUHAN PERBADANAN**

**TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN**

1 November 2020

## 1. NAMA INSTRUMEN PERATURAN

Permohonan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan Sijil Tahunan Pertubuhan Perbadanan

## 2. NAMA AGENSI PENGAWAL SELIA INSTRUMEN PERATURAN

Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia (BLFM)

## 3. PUNCA KUASA

- Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan peraturan-peraturannya

## 4. OBJEKTIF PERLESENAN

Pendaftaran dan Sijil Tahunan untuk pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad yang menjalankan perniagaan berkaitan *“keeping, retailing, dispensing and compounding poisons, dangerous drugs or therapeutic substances”*

## 5. KETERANGAN

Syarikat perlu berdaftar sebagai sebuah pertubuhan perbadanan dengan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) sebelum perniagaan berkaitan dijalankan.

## 6. SASARAN PENGGUNA/PEMOHON INSTRUMEN PERATURAN

Syarikat yang menjalankan perniagaan berkaitan *“keeping, retailing, dispensing and compounding poisons, dangerous drugs or therapeutic substances”*

## 7. BILA PERLU DIPOHON

- Pendaftaran** : Sebelum memulakan perniagaan.  
**Sijil Tahunan** : Sijil Tahunan Pertubuhan Perbadanan untuk tahun berikutnya perlu dimohon sebelum 31 Disember tahun semasa. Permohonan yang lewat dihantar akan dikenakan fi tambahan.  
**Pindaan** : Jika ada pindaan pada maklumat pertubuhan perbadanan yang telah didaftarkan.

## 8. KAEDAH PERMOHONAN - AKSES (ATAS TALIAN / MANUAL)

<b>Atas talian</b>	<a href="https://prisma.pharmacy.gov.my">https://prisma.pharmacy.gov.my</a>
<b>Manual</b>	Tiada

## 9. PIAGAM PELANGGAN (TEMPOH PEMROSESAN DALAM

Tempoh Pemrosesan: 6 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap

## 10. SYARAT-SYARAT SEBELUM/SELEPAS PERMOHONAN

- Syarikat telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Mempunyai *Superintendent/Penguasa* yang merupakan seorang Ahli Farmasi Berdaftar Penuh dengan LFM.
- Untuk setiap premis/ cawangan di bawah syarikat perlu ada seorang Ahli Farmasi Berdaftar Penuh.

## 11. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN

### I. PENDAFTARAN

- Bagi pemohon yang pertama kali menggunakan sistem PRiSMA, klik *First Time Login* kemudian klik *helpdesk*. Penuhi maklumat yang diminta dan tinggalkan mesej untuk cipta akaun baharu (*create new account*) pada sistem PRiSMA kemudian klik *Send Message*.
- Pemohon akan menerima notifikasi melalui emel setelah akaun dicipta.
- Pemohon perlu klik *First Time Login*, kemudian masukkan nombor pendaftaran SSM contoh: 818181-K, klik *verify* dan klik *setup new password*.
- Pemohon akan menerima link melalui emel untuk mengemaskini kata laluan. Klik link tersebut dan pemohon perlu melengkapkan profil syarikat.
- Klik *My Application* dan klik *Apply Now* pada bahagian *Body Corporate (BC)*.
- Lengkapi maklumat yang diminta.
- Muat naik dokumen wajib yang diminta dan pastikan dokumen-dokumen tersebut telah disahkan.
- Dokumen yang berkaitan mesti disahkan oleh Ahli Farmasi Berdaftar di Malaysia atau Pengamal Perubatan Berdaftar di Malaysia dengan menyatakan nombor pendaftaran dan nombor sijil tahunan mereka. Pengesahan oleh Kumpulan Pengurusan Profesional Pegawai Kerajaan, Majistret dan Jaksa Pendamai juga diterima.
- Setelah borang lengkap diisi, klik *submit*.
- Sekiranya ada sebarang pembetulan atau pertanyaan, pegawai di BLFM akan menghantar semula permohonan kepada pemohon untuk tindakan pembetulan.
- Setelah pembetulan dibuat, pemohon perlu memastikan permohonan telah dihantar semula dengan klik *submit*. Sekiranya pemohon tidak klik *submit*, permohonan hanya disimpan dalam *tray* pemohon dan BLFM tidak dapat maklumat terhadap pembetulan yang telah dibuat.
- Permohonan akan diluluskan dalam tempoh 6 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap.


## II. SIJIL TAHUNAN

- Permohonan boleh dibuat melalui sistem atas talian di <https://prisma.pharmacy.gov.my>
- Klik *Login*, kemudian masukkan nombor pendaftaran SSM contoh: 818181-K dan masukkan kata laluan.
- Klik *My Application* dan pemohon akan melihat paparan yang menyenaraikan sijil yang dimiliki oleh syarikat.
- Klik *Action* pada sijil terkini yang dimiliki syarikat. Klik *Retention*. Deraf permohonan akan dicipta.
- Lengkapkan maklumat yang diminta.
- Setelah borang lengkap diisi, klik *Proceed to Payment*.
- Pemohon akan dibawa kepada skrin *Payment Gateway FPX*. Buat pilihan dan teruskan dengan bayaran.
- Permohonan akan dihantar setelah bayaran atas talian berjaya.
- Sekiranya ada sebarang pembedaan atau pertanyaan, pegawai di BLFM akan menghantar semula permohonan kepada pemohon untuk tindakan pembedaan.
- Setelah pembedaan dibuat, pemohon perlu memastikan permohonan telah dihantar semula dengan klik *submit*. Sekiranya pemohon tidak klik *submit*, permohonan hanya disimpan dalam *tray* pemohon dan BLFM tidak dapat maklumat terhadap pembedaan yang telah dibuat.
- Permohonan akan diluluskan dalam tempoh 6 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap.

## III. PINDAAN

- Permohonan boleh dibuat melalui sistem atas talian di <https://prisma.pharmacy.gov.my>
- Klik *Login*, kemudian masukkan nombor pendaftaran SSM contoh: 818181-K dan masukkan kata laluan.
- Klik *My Application* dan pemohon akan melihat paparan yang menyenaraikan sijil yang dimiliki oleh syarikat.
- Klik *Action* pada sijil terkini yang dimiliki syarikat. Klik *Amendment*. Deraf permohonan akan dicipta.
- Kemaskini maklumat yang ingin dipinda (contoh: nama syarikat, alamat syarikat, nama *superintendent* atau penguasa dll)
- Setelah borang lengkap diisi, klik *submit*.
- Sekiranya ada sebarang pembedaan atau pertanyaan, pegawai di BLFM akan menghantar semula permohonan kepada pemohon untuk tindakan pembedaan.
- Setelah pembedaan dibuat, pemohon perlu memastikan permohonan telah dihantar semula dengan klik *submit*. Sekiranya pemohon tidak klik *submit*, permohonan hanya disimpan dalam *tray* pemohon dan BLFM tidak dapat maklumat terhadap pembedaan yang telah dibuat.
- Permohonan akan diluluskan dalam tempoh 6 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap.

## Carta Alir Permohonan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan



## 12. SENARAI KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN
1	Salinan sijil pendaftaran syarikat dengan SSM yang telah disahkan.
2	Salinan <i>Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers And Secretaries</i> yang telah disahkan.
3	Salinan <i>Return Allotment of Shares</i> yang telah disahkan.

## 13. SENARAI PEMBAYARAN

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1.	Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan	Tiada	-
2.	Sijil Tahunan Pertubuhan Perbadanan	200	FPX
3.	Fi Tambahan Sijil Tahunan Pertubuhan Perbadanan	300	FPX
4.	Pindaan	Tiada	-

\*FI : Mengikut Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan peraturan-peraturannya

## 14. KEPUTUSAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

<b>Output</b>	Sijil Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan Sijil Tahunan Pertubuhan Perbadanan
<b>Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon</b>	Sistem dan emel

## 15. RUJUKAN YANG BERKAITAN

Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan peraturan-peraturannya